



KENYATAAN AKHBAR KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI TERKINI DEMAM DENGGI DAN ZIKA DI MALAYSIA

Bagi Minggu 32/2016 (7 Ogos hingga 13 Ogos 2016)

Hasil pemantauan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mendapati walaupun terdapat tren penurunan kes Demam Denggi untuk tempoh tiga minggu bermula pada minggu ke-29, namun pada minggu ke-32 (iaitu dari 7 Ogos hingga 13 Ogos 2016) telah menunjukkan peningkatan kes sebanyak 7.9% iaitu 1,963 kes berbanding 1,819 kes pada minggu sebelumnya dan enam (6) kematian dilaporkan pada minggu lepas iaitu empat (4) daripadanya berlaku di Kelantan. Sebanyak tujuh (7) buah negeri yang menunjukkan peningkatan kes berbanding minggu sebelumnya iaitu Selangor 117 kes (13.7%), Kelantan 36 kes (15.3%), Negeri Sembilan 32 kes (128.0%), Johor 25 kes (21.2%), Melaka 21 kes (60.0%), Terengganu 7 kes (41.2%) dan Kedah 5 kes (26.3%). Secara kumulatif dari Januari hingga 13 Ogos 2016, jumlah kes Demam Denggi adalah sebanyak 69,400 kes, berbanding 75,795 kes bagi tempoh yang sama tahun 2015, iaitu penurunan sebanyak 8.4% (6,395 kes). Manakala sebanyak 153 kematian telah dilaporkan berbanding dengan 212 kematian bagi tempoh sama 2015.

Hasil pemantauan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) juga mendapati penurunan lokaliti wabak pada minggu ke-32 berbanding minggu sebelumnya iaitu daripada 661 lokaliti pada minggu ke-31

kepada 635 lokaliti pada minggu ke-32. Namun begitu, jumlah lokaliti hotspot didapati meningkat daripada 85 lokaliti pada minggu sebelumnya kepada 90 lokaliti pada minggu ke-32. Lokaliti hotspot ini melibatkan tujuh (7) buah negeri iaitu di Selangor (72), Johor (6), Kelantan (5), WP Kuala Lumpur & Putrajaya (3), Perak (2) dan masing-masing satu (1) lokaliti di Negeri Sembilan dan Sabah.

Daripada pemantauan KKM, didapati berlaku perubahan *serotype* Denggi (*serotype shift*) pada bulan Jun 2016 iaitu perubahan *serotype* DEN-1 kepada DEN-3. Adalah dijangkakan akan berlaku peningkatan kes dalam tempoh beberapa bulan selepas perubahan *serotype* tersebut kerana ramai masyarakat tidak immun kepada *serotype* DEN-3. Bagi menghalang kejadian kes Denggi terus berleluasa, kebersihan persekitaran adalah menjadi keutamaan semua masyarakat. Ketiadaan tempat nyamuk untuk membiak boleh mengurangkan populasi nyamuk *Aedes* seterusnya mengurangkan penyebaran virus Denggi. Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) juga dipohon untuk meningkatkan aktiviti pencegahan dan kawalan Denggi serta memastikan kutipan sampah dilakukan sekurang-kurangnya tiga kali seminggu di kawasan pengurusan mereka. Di samping itu, PBT juga hendaklah meningkatkan aktiviti pembersihan dan penguatkuasaan dilaksanakan terhadap pembuang sampah haram untuk membendung masalah pembiakan *Aedes*.

Mengenai situasi terkini penyakit Zika yang telah dikemas kini oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) pada 11 Ogos 2016, terdapat sebanyak 69 buah negara yang melaporkan jangkitan Zika ketika ini. Survelan berterusan untuk mengesan jangkitan Zika masih dilakukan oleh Makmal Kesihatan Awam Kebangsaan (MKAK) dan juga Institut Penyelidikan Perubatan (IMR). Dari Jun 2015 sehingga 13 Ogos 2016

sebanyak 715 sampel telah diuji dan tiada jangkitan virus Zika yang dikesan setakat ini. Tiada pelawat yang disyaki dijangkiti virus Zika berdasarkan saringan yang dijalankan di Pintu Masuk Antarabangsa (PMA).

DATUK DR. NOOR HISHAM ABDULLAH

**Ketua Pengarah Kesihatan
Kementerian Kesihatan Malaysia**

22 Ogos 2016

**KES DENGGI DILAPORKAN PADA MINGGU 32/2016
(7 Ogos sehingga 13 Ogos 2016)**

Bil.	Negeri	Bilangan Kes dan Kematian di laporkan				Jumlah Terkumpul kes denggi sehingga minggu 32/2016		Jumlah Terkumpul kes denggi sehingga minggu 32/2015	
		Minggu 32 (7 Ogos – 13 Ogos 2016)		Minggu 31 (31 Julai - 6 Ogos 2016)		Kes	Mati	Kes	Mati
		Kes	Mati	Kes	Mati				
1	Perlis	5	0	5	0	111	1	153	1
2	Kedah	24	0	19	0	623	2	594	8
3	P. Pinang	16	0	25	0	2,005	11	3,361	8
4	Perak	44	0	56	0	2,552	7	6,785	22
5	Selangor	968	1	851	0	36,903	52	42,409	94
6	WP KL & Putrajaya	166	0	183	0	5,825	13	4,869	24
7	N. Sembilan	57	0	25	0	1,849	18	1,385	9
8	Melaka	56	0	35	0	1,517	5	1,328	5
9	Johor	143	0	118	0	8,349	12	8,098	23
10	Pahang	58	1	86	0	1,656	7	1,678	5
11	Terengganu	24	0	17	0	1,624	13	644	3
12	Kelantan	272	4	236	0	2,281	6	1,413	4
13	Sarawak	49	0	58	0	1,866	5	1,365	2
14	Sabah	81	0	103	0	2,233	1	1,711	4
15	WP Labuan	0	0	2	0	6	0	2	0
	MALAYSIA	1,963	6	1,819	0	69,400	153	75,795	212

* Sumber : Bilik Gerakan Denggi Kebangsaan

Lampiran B

SENARAI LOKALITI “HOT SPOT” SEHINGGA 13 OGOS (Mg 32)

Bil	Negeri	Daerah/Zon/ PBT	Lokaliti	Jumlah Kes	Tempoh Wabak Berlaku (Hari)
1	SELANGOR	Petaling	Pjs 9 /1(Lagoon Perdana & Rumah Kedai)	320	319
2	SELANGOR	Petaling	Seksyen 7 (Flat A : Blok 1 - 12, Blok 38 - 43)	104	229
3	SELANGOR	Petaling	Sri Pjs 8 Mentari Court	219	218
4	SELANGOR	Petaling	Seksyen 15 (Dataran Otomobil : Blok 1 - 18)	80	189
5	SELANGOR	Petaling	Subang Jaya (Dk Senza Condominium Jln Taylors)	111	174
6	PERAK	Kinta	Cherry Apartment	58	108
7	SELANGOR	Petaling	Sri Ss 7 Kelana Puteri Kondo	131	86
8	SELANGOR	Gombak	Appt Residensi Bistaria	31	84
9	SELANGOR	Petaling	Kd Pju 1a Flat Sri Jati	10	84
10	SELANGOR	Petaling	Pst Bdr Puchong (Jln Bandar & Qts Bomba)	11	81
11	SELANGOR	Petaling	Du Ss 2 (1)	28	77
12	SELANGOR	Petaling	Bdr Puchong Jaya Jln Kenari	27	76
13	SELANGOR	Petaling	BI Pju 10 Apt Permai	49	75
14	SELANGOR	Petaling	Tmn Sri Serdang 2 (Flat Ikan)	17	73
15	SELANGOR	Petaling	Sri Ss 7 Kelana Putera Kondo	29	72
16	SELANGOR	Petaling	Tmn Serdang Perdana (South City Plaza)	17	69
17	SELANGOR	Petaling	Seksyen 9 (Kuarters lpk Selangor&Kuarters Jkr)	43	68
18	SELANGOR	Petaling	Sri Ss 7 Teres A : Jln Ss 7/26, Ss 7/28, Ss 7/30	14	68
19	KELANTAN	Kota Bharu	Demit Darat	50	68
20	SELANGOR	Petaling	Seksyen 7 (Flat D : Blok 52 -	22	67

			58)		
21	SELANGOR	Petaling	BI Pju 9 Sd 7	14	66
22	SELANGOR	Petaling	Kt Ss 1 Teres E	17	66
23	JOHOR	Johor Bharu	Bdr Sri Alam_Flat Tasek 64	25	65
24	SELANGOR	Petaling	Tmn Kinrara (Jln Tk 2)	14	62
25	SELANGOR	Hulu Langat	Kolej Kemahiran Mara Beranang	21	61
26	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan Pandan Indah 6/2-6/11 Pandan Indah Commercial Park	17	60
27	SELANGOR	Petaling	Tmn Serdang Perdana Sp 5 (Sky Villa, Kesidang & Rumah Kedai)	28	58
28	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan Impian Gemilang Saujana Impian	25	57
29	SELANGOR	Hulu Selangor	Apt Semarak Bb	19	57
30	SELANGOR	Petaling	BI Pju 8 Apt Flora Damansara 1 (Blok A, B)	7	55
31	SELANGOR	Petaling	Bdr Kinrara 5 (Jln Bk 5/9-Bk 5/18) & Ipd Serdang	39	55
32	SELANGOR	Petaling	Seksyen U2 (Pangsapuri Ilham)	17	54
33	SELANGOR	Petaling	Seksyen U5 (Pangsapuri Mutiara Subang : Blok 1 - 7)	10	54
34	SELANGOR	Petaling	Tmn Serdang Perdana Psrn Perdana (One South)	18	54
35	SELANGOR	Gombak	Tmn Permata Zon B	14	53
36	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan Suadamai 2 Bandar Tun Hussein Onn	11	53
37	SELANGOR	Petaling	Kt Ss 3 Teres A	11	52
38	SELANGOR	Petaling	Pjs 11/7 (Nadayu Resident)	11	52
39	WPKL	Cheras	Taman Connaught(Jalan Pendita,Jalan Petah,Jalan Lincah,Jalan Pantas)	23	51
40	SELANGOR	Gombak	Tmn Samudera Selatan	15	49
41	JOHOR	Johor Bharu	Bdr Sri Alam_Jln Tasek 13-45	9	49
42	SELANGOR	Hulu Langat	Appt Merdeka Villa Kampung Baru Ampang	8	47
43	SELANGOR	Petaling	Du Ss 4a	19	47
44	SELANGOR	Petaling	Tmn Lestari Putra (Lep 7 - Rumah Kedai)	5	47

45	SELANGOR	Hulu Langat	Appt Kenari Taman Impian Ehsan	9	46
46	SELANGOR	Klang	Tmn Kapar (Jln Khoo Kek Kheng 1)	23	46
47	SELANGOR	Petaling	BI Pju 10 Apt Lestari	13	46
48	SELANGOR	Petaling	Sri Ss 5d (1) : Jln Ss 5d/2,6,8,10,11,13	32	45
49	JOHOR	Johor Bharu	Tmn Bukit Dahlia_Jalan Semerbak	13	45
50	SELANGOR	Hulu Langat	Flat Mesra Ria Ampang Campuran	8	44
51	SELANGOR	Hulu Langat	Lorong Mutiara 1-3 Taman Bukit Ampang	8	44
52	SELANGOR	Hulu Langat	Blok N-X Pangsapuri Baiduri Bandar Tasik Kesuma	8	44
53	SELANGOR	Hulu Langat	Rumah Kedai Taman Putra Kajang	11	44
54	SELANGOR	Petaling	Tmn Lestari Perdana (Pangsapuri Sri Indah)	10	44
55	SELANGOR	Hulu Langat	Taman Kajang Baru	6	43
56	SELANGOR	Petaling	Tmn Serdang Perdana (South City Condo)	13	43
57	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan Mewah 2 Pandan Mewah	11	42
58	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan 8/1-15 Seksyen 8 Bandar Baru Bangi	7	42
59	SELANGOR	Gombak	Tmn Bersatu	24	41
60	SELANGOR	Hulu Langat	Blok A-G Pangsapuri Baiduri Bandar Tasik Kesuma	8	41
61	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan Tkp 1-14 Taman Kantan Permai	8	40
62	SELANGOR	Petaling	Bdr Kinrara 4 (Jln Bk 4/1 & Sebahagian 4/2-4/4)	8	40
63	PERAK	Kinta	Pekan Razaki	7	39
64	SELANGOR	Petaling	Kota Perdana (Jln Kp 2)	5	39
65	SELANGOR	Petaling	Sri Ss 5c	10	38
66	SELANGOR	Gombak	Tmn Sri Batu Caves	6	37
67	SELANGOR	Hulu Langat	Taman Alam Jaya	10	37
68	SELANGOR	Petaling	Bg Seksyen 17 Teres C : Jln 17/13, 17/17, 17/15, 17/18, 17/20,17/22,17/24	7	37
69	SELANGOR	Petaling	Sri Ss 6 Kompleks Kediaman Kastam	25	36
70	SELANGOR	Gombak	Appt Sri Gohtong	5	35

71	SELANGOR	Gombak	Tmn Sri Gombak Fasa 7 Zon C	16	35
72	SELANGOR	Petaling	Bg Seksyen 5 Maxwell Towers (Blok A, B)	10	35
73	WPKL	Cheras	Tasik Height Appt	15	35
74	JOHOR	Johor Bharu	Tmn Iskandar	10	35
75	KELANTAN	Kota Bharu	Guchil	38	35
76	SELANGOR	Petaling	Bdr Bkt Puchong Bp 1 (Flat Bkt Puchong)	7	34
77	SELANGOR	Petaling	Tmn Bkt Serdang 10 (Vista Impiana)	13	34
78	WPKL	Lembah Pantai	Bukit Oug Kondo	25	34
79	JOHOR	Johor Bharu	Tmn Kota Masai_Jln Tembikai	5	34
80	SELANGOR	Hulu Langat	Flat Taman Asa Jaya	4	33
81	SELANGOR	Petaling	Tmn Pinggiran Usj 1	7	33
82	JOHOR	Johor Bharu	Tmn Nusa Sentral_Jln Sentral	5	33
83	KELANTAN	Kota Bharu	Pasir Kota	24	33
84	KELANTAN	Kota Bharu	Telok Baru 2	25	33
85	SELANGOR	Kuala Langat	Pangsapuri Langat Utama	7	33
86	SELANGOR	Gombak	Selayang Baru Zon 7	7	33
87	SELANGOR	Petaling	Seksyen U5 (Pangsapuri Sri Bintang : Blok M1 - M7)	8	33
88	KELANTAN	Kota Bharu	Telok Baru 3	17	32
89	N. SEMBILAN	Seremban	Tmn Desa Melor	5	31
90	SABAH	Keningau	Sook	4	31